

TAHAP KESEDIAAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PENGAJARAN MURID PENDIDIKAN KHAS DI SARAWAK

Dayang Kamaliah binti Abg Abdillah
dygkamaliah79@gmail.com

Norshidah Mohamad Salleh
nshidah@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid pendidikan khas tidak lagi menjadi tanggungjawab guru pendidikan Islam yang terlatih dalam bidang pendidikan khas sejak pemansuhan peraturan tersebut kepada guru pendidikan Islam (GPI) pada tahun 2015. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesediaan guru pendidikan Islam dan hubungannya dengan pengajaran murid pendidikan khas di dua buah daerah di negeri Sarawak. Kajian dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif secara tinjauan. Seramai 52 orang guru pendidikan Islam yang mengajar di program pendidikan khas terlibat dalam kajian ini. Tinjauan terhadap GPI menggunakan borang soal sedikit untuk mengetahui tahap kesediaan terhadap pengajaran murid pendidikan khas. Dapatkan kajian kajian menunjukkan tahap kesediaan GPI dalam aspek pengetahuan ($\text{min} = 3.77$, $\text{SP} = 0.688$) dan sikap adalah pada tahap tinggi ($\text{min} = 3.55$, $\text{SP} = 0.885$). Manakala tahap kesediaan dari aspek kemahiran dan pengajaran terhadap murid pendidikan khas adalah pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.31$, $\text{SP} = 0.828$). Manakala pendekatan pengajaran yang digunakan oleh GPI terhadap murid pendidikan khas ($\text{min} = 3.29$, $\text{SP} = 0.921$) berada pada tahap yang sederhana. Analisis korelasi kajian pula menunjukkan tahap kesediaan GPI mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh GPI terhadap murid pendidikan khas ($r = 0.644$, $p < 0.01$). Justeru, implikasi kajian ini menunjukkan GPI memerlukan latihan dan dorongan yang berterusan bagi memastikan pelaksanaan pengajaran terhadap murid pendidikan khas dapat dilakukan secara holistik dan efisien kerana GPI bukan sahaja mengajar murid untuk menggapai kecemerlangan di dunia tetapi juga demi untuk mencapai kesejahteraan di akhirat.

Kata kunci: guru pendidikan Islam, pengajaran, tahap kesediaan, murid pendidikan khas

Pengenalan

Dalam dunia pendidikan khas yang mempunyai murid pelbagai ketidakupayaan, Guru Pendidikan Islam (GPI) menggalas cabaran yang sangat besar bagi menyampaikan ilmu kepada golongan ini supaya mereka juga dapat melaksanakan ibadah dalam Islam yang telah diperintahkan oleh Allah di dalam Al-Quran seperti mengerjakan solat, berpuasa, mengeluarkan zakat, membaca Al-Quran, menunaikan haji jika mampu dan sebagainya (Hamdi Ishak et.al., 2017). Pendidikan Islam bukan sahaja penting untuk golongan tipikal tetapi ianya juga penting lebih-lebih lagi terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang lebih memerlukan perhatian dan bimbingan supaya mereka tidak mudah diambil kesempatan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab terhadap ketidakupayaan yang dimiliki (Hamdi et. al., 2017). Antara cabaran-cabarannya utama yang dihadapi dalam proses pengajaran oleh guru pendidikan Islam pendidikan khas adalah menghadapi murid pendidikan khas yang memiliki kepelbagaiannya ketidakupayaan dalam satu masa (Saniah Mohd. Noor et. al. 2014, Hamdi et. al. 2017), kurang penguasaan dalam pendekatan pembelajaran berasaskan masalah yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Izuli Dzulkifli, 2016), tahap pengetahuan guru yang kurang tentang pelaksanaan pengajaran kepada murid pendidikan khas yang ramai dalam satu kelas yang menyukarkan mereka memberi tumpuan terhadap keperluan setiap individu, penggunaan bahan bantu mengajar yang kurang sesuai dan persekitaran pembelajaran seperti kemudahan infrastruktur khusus yang tidak mencukupi (Saniah Mohd. Noor et. al. 2014).

Pada masa kini, tanggungjawab mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam tidak lagi terletak di bahu guru dengan opsyen pendidikan Islam pendidikan khas semata-mata.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 2 Tahun 2015 tentang norma baharu GPI di sekolah rendah KPM telah menyatakan bahawa:

“guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Program j-QAF di sekolah rendah terdiri daripada pelbagai jawatan guru seperti Guru Penolong Agama (GPA), Guru Pendidikan Islam Khas (GPIK), Guru j-QAF (GJQ), Guru j-QAF Khas (GJQK) dan Guru Tambahan Pendidikan Islam (GTPI)”.

Norma GPI yang lama ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan gelaran jawatan iaitu Guru Pendidikan Islam (GPI). Sebelum pemansuhan ini, norma guru pendidikan Islam yang pelbagai ini ditempatkan mengikut pengkhususan tertentu. Misalnya, Guru Penolong Agama dan Guru j-QAF ditempatkan di aliran perdana. Manakala, Guru Pendidikan Islam Khas dan Guru j-QAF Khas dipertanggungjawabkan untuk mengajar murid pendidikan khas di kelas PPKI. Guru Tambahan Pendidikan Islam pula boleh ditempatkan di kelas Pra-Sekolah, aliran perdana dan juga di aliran khas. Justeru, selepas pelaksanaan norma baharu ini dikuatkuasakan, maka, semua GPI tidak lagi dikhususkan di mana-mana aliran dan boleh ditempatkan sama ada di pra sekolah, kelas perdana atau kelas PPKI tanpa mengambil kira sama ada memiliki opsyen mengajar pendidikan khas atau tidak.

Pendekatan dalam pengajaran terhadap murid pendidikan khas adalah berbeza dengan aliran perdana. Proses pengajaran yang berkualiti memerlukan guru yang mendapat latihan khusus dalam bidang pendidikan khas seperti mempunyai kompetensi dan efikasi yang tinggi supaya mereka boleh berfungsi menjadi seorang guru yang berkesan dalam penyampaian ilmu (Khadijah Abdul Razak dan Siti Rohani Bangi 2015) serta membolehkan mereka menyampaikan pengajaran yang mencapai objektif kurikulum melalui pelaksanaan aktiviti dan kaedah pengajaran yang sesuai (Ab. Halim 2007) tersusun dengan penggunaan bahasa yang senang difahami oleh murid

pendidikan khas, penggunaan kaedah berpusatkan murid serta terdapat penilaian oleh guru tersebut sebelum dan selepas proses pengajaran tersebut (Ahmad, 1997). Apa yang menjadi cabaran masa kini ialah apabila terdapat segelintir murid pendidikan khas yang mempunyai kad OKU tetapi ditempatkan sepenuhnya di aliran perdana kerana tiada program PPKI di sekolah tersebut dan guru pendidikan Islam yang ada perlu mengajar murid tersebut bersama-sama dengan murid tipikal yang lain dalam satu kelas. Pastinya perkara ini akan menjadi satu cabaran bagi GPI yang tidak menjalani latihan mendidik murid pendidikan khas di institut pendidikan perguruan.

Tinjauan Literatur

Kesediaan Guru Pendidikan Islam dari Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap

Guru merupakan sumber ilmu dan rujukan kepada murid di sekolah kerana guru dianggap sebagai orang yang berpengetahuan dalam mata pelajaran yang diajarnya. Setiap guru perlu melalui latihan perguruan di institut pendidikan perguruan atau di universiti-universiti berkaitan. Penguasaan ilmu khususnya dalam bidang pendidikan Islam bertujuan supaya murid mendapat ilmu yang betul dan tepat yang dapat dijadikan sebagai panduan dalam menjalani amalan ibadah hidup mereka sehari-hari (Saniah Mohd. Noor et. al. 2014). Dalam kajian ini, seorang GPI bukan sahaja perlu menguasai subjek dan kurikulum pendidikan Islam, malah pengetahuan tentang murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran dari segala aspek seperti kognitif, fizikal, emosi, sosial juga perlu diutamakan lebih-lebih lagi apabila pengajaran berlaku di aliran perdana. Bukan itu sahaja, guru tersebut perlu juga mengetahui latar belakang keluarga murid pendidikan khas dan berhubung baik dengan ibu bapa murid untuk mengetahui perkembangan semasa murid agar pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian dapat digunakan untuk mencapai matlamat pendidikan (Boyle & Scanlon, 2010). Daripada pengetahuan tersebut, guru dapat menentukan isi pengajaran yang sesuai daripada silibus pembelajaran sedia ada dengan kebolehan kognitif mereka dan memastikan ianya tidak berada di aras yang terlalu tinggi atau terlalu rendah untuk setiap murid. (O'Neill, 2009) menyatakan bahawa murid pendidikan khas akan cepat bosan dan hilang tumpuan sekiranya isi pelajaran yang disampaikan tidak sesuai dengan kefahaman mereka. Sekiranya ini berlaku, murid boleh mempamerkan tingkah laku tantrum dan tidak memberikan kerjasama dan mungkin boleh mengganggu proses PdPc guru bersama murid tipikal yang lain.

Selain daripada pengetahuan dalam bidang pendidikan Islam dan murid pendidikan khas yang berada di dalam kelas, seorang guru juga perlu mahir menggunakan bahan bantu belajar yang sesuai dengan pengajaran murid (Ahmad, 1997). Dengan pemilihan bahan yang kreatif dan bersesuaian boleh menarik perhatian murid serta dapat meningkatkan kualiti proses pengajaran, tenaga dan masa dapat dijimatkan di samping dapat memupuk sikap kecenderungan untuk mengetahui sesuatu perkara yang tinggi dan menaikkan semangat murid untuk belajar (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007) dan suka datang ke sekolah.

Sikap juga merupakan faktor yang berperanan dalam menentukan pengajaran yang dilaksanakan berkesan atau tidak. Rohani (2011) menegaskan bahawa sikap merupakan rasa percaya dan fikiran yang mampu mempengaruhi manusia untuk memberi penilaian terhadap sesuatu perkara sama ada disukai atau tidak. Menurut Al-Ghazali (Abdul Salam, 2010) guru yang efektif bukan sahaja berpengetahuan tetapi diiringi dengan tingkah laku dan budi pekerti yang baik. Sifat sabar dan perasaan kasih sayang perlu dipasangkan dalam jiwa seseorang pendidik

terutama sekali guru yang terlibat mengajar murid pendidikan khas di sekolah. Perkara ini adalah sangat penting kerana ianya dapat menentukan sama ada sesi PdPc dapat berjalan dengan lancar dan objek pembelajaran tercapai dengan jayanya.

Selain itu, seseorang juga perlu berlemah lembut dengan murid kerana ianya dapat mewujudkan rasa damai dan selamat dalam jiwa murid pendidikan khas manakala pendekatan secara kasar boleh membuatkan murid bersifat negatif seperti malas, suka menipu dan kebodohan (Mahyuddin, 2000). Hal ini adalah kerana murid pendidikan khas lebih peka dengan emosi semasa proses pengajaran yang mungkin boleh dikaitkan dengan faktor lain seperti perasaan kecewa, tidak disayangi sebab masalah keluarga serta kurang yakin terhadap pencapaian diri sendiri berbanding pencapaian rakan sekelas yang lain dan lemah dalam pelajaran (Kementerian Pelajaran British Columbia, 2011). Oleh itu, seorang guru yang baik seharusnya sentiasa mengaudit proses pengajaran kendiri sekiranya murid yang diajar tidak dapat mencapai kehendak pengajaran yang telah dirangka untuknya.

Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Terhadap Murid Pendidikan Khas

Bagi memastikan pengajaran yang efektif di dalam bilik darjah, Saniah Mohd Noor et. al (2016) berpendapat seseorang guru wajib mengambil kira beberapa jenis pengetahuan utama yang perlu dikuasai merangkumi kurikulum bidang yang diajar, teknik dan kaedah pengajaran serta pengetahuan mengenai murid kerana tanpa ilmu tentang perkara tersebut seseorang guru mungkin akan mengalami masalah dalam menangani proses pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas lebih-lebih lagi sekiranya terdapat murid pendidikan khas yang diajar sama ada di aliran perdana atau aliran khas. Perkara ini disokong oleh Hasnah et. al. (2010) dan Chong Siew Hiong & Rusnani (2003) di mana kegagalan mencapai hasil pengajaran yang efisien adalah berkaitan dengan guru yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup tentang murid bermasalah pembelajaran dan pengetahuan mereka adalah pada di tahap yang rendah. Dalam konteks kajian ini, guru pendidikan Islam yang tidak pernah mengikuti latihan khusus tentang murid pendidikan khas akan mengalami masalah ketika mengajar kerana tidak tahu bagaimana untuk menarik perhatian murid di dalam kelas dan mungkin akan menyebabkan tekanan kepada guru tersebut dan hilang keseronokan ketika mengajar.

Selain itu, penempatan murid daripada kategori masalah pembelajaran yang pelbagai dalam satu bilik darjah yang sama ada di aliran khas atau perdana akan menyukarkan lagi proses pengajaran guru pendidikan Islam terhadap murid ini kerana hilang tumpuan terhadap keperluan setiap individu murid sekiranya tiada perancangan pengajaran yang teliti (Saniah Mohd. Noor et. al, 2016). Oleh sebab itu, guru perlu bijak memilih kaedah pengajaran yang sesuai mengikut keperluan setiap ketidakupayaan murid yang diajar (Jamila, 2006; Izuli Dzulkifli, 2016; Khadijah Abdul Razak & Siti Rohani Bangi, 2015; Hamdi Ishak et al., 2017; Farah Ilyani Zakaria et al., 2015; Hamdi Ishak et. al., 2012). Perkara ini disokong oleh Hirma Md Tahir & Mohd Mokhtar Tahar (2013) di mana pendekatan yang diaplikasikan hendaklah tidak mengabaikan aspek dalam diri murid seperti kognitif, afektif dan juga psikomotor.

Menurut Kamarul Azmi & Ab. Halim (2007) salah satu cara untuk mendapatkan pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkesan adalah dengan memilih dan membina bahan

bantu belajar yang sesuai dengan tahap ketidakupayaan dan pemahaman setiap murid pendidikan khas. Sememangnya perkara ini juga menjadi cabaran kepada guru pendidikan Islam jika aspek seperti kurang bahan rujukan serta buku aktiviti yang bersesuaian dengan kebolehan murid sedikit sebanyak akan menjelaskan amalan pengajaran guru dalam mentaksir keberkesanan murid selepas pengajaran. Namun demikian, murid pendidikan khas masa kini juga tidak terkecuali daripada perkembangan semasa teknologi masa kini dengan adanya penggunaan gajet, aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan dalam pelaksanaan pengajaran komponen pendidikan Islam. Perkara ini dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran guru sekali gus dapat menarik minat dan rasa ingin tahu murid terhadap pengajarannya (Zaidi, 2006). Oleh yang demikian, guru pendidikan Islam perlu meningkatkan keupayaan menggunakan teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia dalam memastikan sesi pengajaran menarik dan mencapai penyampaian berkesan secara holistik (Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah, 2017).

Metodologi

Kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji dan melihat tahap kesediaan guru pendidikan Islam di dua buah daerah di negeri Sarawak dalam pengajaran untuk murid pendidikan khas. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang melibatkan seramai 52 orang guru pendidikan Islam yang mengajar program pendidikan khas di daerah tersebut. Responden dipilih menggunakan persampelan rawak sistematis. Data responden dikumpul melalui instrumen soal selidik yang dibina menggunakan aplikasi *Google Form* yang mempunyai tiga bahagian utama iaitu Bahagian A mengenai maklumat demografi responden. Bahagian B pula meliputi tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pengajaran murid pendidikan khas dan bahagian C tentang aspek strategi pendekatan pengajaran yang dilakukan oleh guru pendidikan Islam di sekolah. Soal selidik menggunakan jawapan skala Likert 1 hingga 5. Analisis data menggunakan statistik deskriptif menggunakan nilai min sisihan untuk mengukur tahap kesediaan GPI, manakala statistik inferensi dilakukan untuk menganalisa hubungan secara terperinci melalui perisian computer *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 22*.

Dapatan Kajian

Tahap Kesediaan GPI Dari Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap

Ujian normaliti dan andaian korelasi dipatuhi dalam kajian ini dan dianalisis secara parametrik mengikut syarat yang ditetapkan. Kajian ini mendapati bahawa tahap kesediaan GPI bagi aspek pengetahuan secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi ($\text{min} = 3.77$, $\text{SP} = 0.688$) seperti Jadual 1.

Jadual 1: Tahap kesediaan GPI bagi aspek pengetahuan

No	Pernyataan	Min	SP
B1	Pengajaran perlu dipelbaagaikan berdasarkan ciri murid yang pelbagai.	4.37	.793
B2	Murid yang jelas menunjukkan ciri-ciri ketidakupayaan pelbagai boleh ditempatkan di kelas aliran khas tanpa perlu didiagnos.	3.33	1.248
B3	Saya beranggapan pengajaran murid pendidikan khas perlu diasingkan daripada kelas aliran perdana	4.15	.916
B4	Murid yang autistik tidak perlu diinklusifkan dalam kelas aliran perdana	3.56	.978
B5	Saya perlu menyediakan Rancangan Pendidikan Individu bagi setiap murid pendidikan khas yang diajar.(jika ada)	3.44	1.056
Keseluruhan		3.77	.688

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

Manakala, Jadual 2 menunjukkan bahawa tahap kesediaan GPI dari aspek kemahiran berada pada tahap sederhana (min = 3.31, SP = 0.828).

Jadual 2: Tahap kesediaan GPI bagi aspek kemahiran

No	Pernyataan	Min	SP
B6	Saya berkemahiran merancang Rancangan Pengajaran Harian untuk murid pendidikan khas dalam kelas (jika ada)	2.81	1.103
B7	Saya boleh menggunakan bahan bantu belajar yang sesuai untuk murid pendidikan khas	3.38	1.013
B8	Alat bantu mengajar yang khusus perlu disediakan untuk murid mengikut kategori ketidakupayaan.	4.15	.937
B9	Saya tahu menggunakan kaedah dan teknik pembelajaran yang pelbagai	3.29	.977
B10	Saya dapat mengawal tingkah laku murid tipikal dan murid pendidikan khas dalam kelas (jika ada)	2.92	1.026
Keseluruhan		3.31	.828

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

Jadual 3 pula menunjukkan bahawa tahap kesediaan GPI dari aspek sikap pula berada pada tahap yang tinggi (min = 3.55, SP = 0.885).

Jadual 3: Tahap Kesediaan GPI Dari Aspek Sikap

No	Pernyataan	Min	SP
B11	Saya boleh bekerjasama dengan guru pendidikan khas berkaitan murid pendidikan khas yang diinklusifkan di dalam kelas saya (jika ada)	3.38	.953
B12	Saya bersedia mengikuti kursus tentang murid pendidikan khas jika perlu.	3.73	1.050
B13	Saya bersedia mengajar murid pendidikan khas dalam kelas saya (jika ada)	3.54	1.111
Keseluruhan		3.55	.885

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

Hasil analisis korelasi ujian korelasi Pearson boleh dilihat berdasarkan Jadual 4 berikut:

Jadual 4 Hubungan Antara Tahap Kesediaan Guru Dengan Pendekatan Pengajaran Yang Digunakan

Pendekatan Pengajaran Yang Digunakan	r	Sig. P
	r	Sig. P
Kesediaan GPI dari aspek pengetahuan	0.466**	.000
Kesediaan GPI dari aspek kemahiran	0.559**	.000
Kesediaan GPI dari aspek sikap	0.521**	.000
Keseluruhan	0.644**	.000

** p < 0.01

Hasil kajian seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 menunjukkan Kesediaan GPI dari aspek pengetahuan ($r = 0.466$, $p < 0.01$); kemahiran ($r = 0.559$, $p < 0.01$); dan sikap ($r = 0.521$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh GPI terhadap murid pendidikan khas di daerah di mana kajian ini dijalankan. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam ($r = 0.644$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh GPI terhadap murid pendidikan khas di daerah kajian dijalankan.

Pendekatan Pengajaran yang digunakan oleh GPI

Kajian ini menunjukkan bahawa skor pendekatan pengajaran yang digunakan oleh GPI terhadap murid pendidikan khas ($\text{min} = 3.29$, $\text{SP} = 0.921$) adalah berada pada tahap yang sederhana seperti mana Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Pendekatan Pengajaran Yang Digunakan Oleh GPI

No	Pernyataan	Min	SP
C1	Saya menjalankan pengajaran secara individu	3.08	1.186
C2	Saya menjalankan pengajaran berbantu komputer	3.00	1.155
C3	Saya menjalankan pengajaran sokongan berfokuskan murid	3.56	1.110
C4	Saya menggalakkan pendekatan belajar sambil bermain dalam pdpc	3.38	1.051
C5	Saya menerapkan unsur inkuiiri dalam kalangan murid biasa dan murid berkeperluan khas dalam kelas saya	2.79	1.377
C6	Saya menggalakkan pembelajaran pemulihan bacaan (iqra) terhadap murid berkeperluan khas dalam kelas saya (jika ada)	3.00	1.414
C7	Saya mengamalkan teknik perbincangan	3.44	1.145
C8	Saya menggunakan pendekatan teknik latih tubi dalam pdpc	3.88	1.149
C9	Saya menggalakkan aktiviti berkumpulan antara murid pendidikan khas dengan murid tipikal (jika ada)	2.69	1.365
C10	Saya menggunakan demonstrasi dan simulasi dalam kelas	3.69	1.229
C11	Saya menjalankan pembelajaran rakan sebaya dalam kelas	3.56	1.178
C12	Saya menerapkan unsur nyanyian dalam pdpc	3.44	1.178
Keseluruhan		3.29	.921

(Tahap: Sangat rendah = 1.00 – 1.89, Rendah = 1.90 – 2.69, Sederhana = 2.70 – 3.49, Tinggi = 3.50 – 4.29, Sangat tinggi = 4.30 - 5.00)

Perbincangan

Secara keseluruhannya, skor bagi tahap kesediaan guru pendidikan Islam dari aspek pengetahuan dan sikap dalam pelaksanaan pengajaran terhadap murid pendidikan khas di daerah kajian ini dijalankan adalah pada tahap yang tinggi. Saniah Mohd. Noor, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Hanafi Mohd. Yasin (2014) menegaskan bahawa sejauh mana pengetahuan seorang guru tentang kurikulum yang digubal sekali pun akan menjadi tidak bermakna jika mereka tidak mempunyai ilmu dalam menguasai teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai digunakan untuk menyampaikan ilmu yang bermakna di sekolah. Perkara seperti kesediaan dari aspek sikap sepatutnya ada dalam setiap guru pendidikan Islam kerana menurut Al-Ghazali dalam Abdul Salam (2010), Ibn Sahnun, Ibn Khaldun dan Al-Qabisi dalam Gamal (2003) bersetuju bahawa seorang guru yang efektif bukan sahaja berilmu tetapi memiliki akhlak dan tingkah laku yang baik kerana pengajaran yang berkesan bukan sahaja dinilai dari aktiviti pengajaran dan pembelajaran tetapi keperibadian dan sifat semulajadi guru yang penyayang memberi pengaruh dan kesan yang lebih besar terhadap pengajaran dan jiwa murid pendidikan khas yang dididik.

Berlainan pula dengan tahap kesediaan GPI dari aspek kemahiran dan pendekatan pengajaran yang digunakan terhadap murid pendidikan khas iaitu pada tahap sederhana. Dalam hal ini, Hamdi Ishak, Sabri Mohammad & Mohd. Faizulamri Mohd. Saad (2017) isu kesediaan guru dari segi kemahiran dalam pedagogi dan pengetahuan murid pendidikan khas sudah lama didebatkan. Esah Sulaiman (2004) menyatakan pengajaran berkesan yang cemerlang bukan sahaja mempunyai kepelbagaiannya dalam penggunaan bahan bantu belajar mengikut kreativiti guru, topik yang sesuai dan tahap pengetahuan murid tetapi guru pendidikan Islam juga mendidik bertujuan

mlahirkan generasi yang cemerlang dari segenap segi bukan sahaja dalam pelajaran tetapi juga dalam pembangunan akhlak, sahsiah dan nilai tambah seperti kemahiran berkomunikasi yang baik dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Antara ciri-ciri kepada pengajaran berkesan menurut Ahmad (1997) adalah penyampaian isi pengajaran menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami oleh semua murid, adanya penggunaan bahan bantu belajar, penggunaan kaedah berpusatkan murid serta terdapat refleksi yang dilakukan oleh guru di akhir sesi pembelajaran. Ini adalah kerana daripada pemerhatian kejayaan atau kegagalan aktiviti pembelajaran di dalam kelas melalui refleksi, guru hendaklah melakukan perubahan dan penambahbaikan dalam setiap aktiviti pengajaran di dalam kelas untuk masa akan datang.

Rumusan

Natijahnya, kajian ini memberi impak kepada empat pemegang taruh utama yang memberi kesan secara langsung dari segi amalan seperti guru, pentadbir sekolah, pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan pengajaran pendidikan Islam terhadap murid pendidikan khas oleh GPI dapat dipertingkatkan. Seorang guru pendidikan Islam haruslah sentiasa berfikiran terbuka dan bersedia untuk meningkatkan ilmu tentang pengajaran terhadap murid pendidikan khas di dalam kursus-kursus latihan tentang pendidikan khas sama ada dari segi pendekatan kaedah dan teknik pengajaran terhadap murid pendidikan khas atau pun mempelajari tentang selok belok ketidakupayaan pelbagai bagi setiap kategori murid dalam bengkel-bengkel mahupun seminar. Tanggapan bahawa murid pendidikan khas tidak wajar berada bersama dengan murid tipikal di aliran perdana harus dibuang jauh kerana di negara maju, murid atau individu berkeperluan khas diterima dalam masyarakat, belajar dan bekerja di samping mereka yang tipikal. Guru perlu sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran kendiri seperti mahir dalam penggunaan teknologi dan multimedia bagi meningkatkan minat murid untuk turut serta di dalam aktiviti pembelajaran seiring dengan perkembangan semasa serta menanam sikap ihsan, memiliki kesabaran yang tinggi dan berani menerima cabaran sekiranya mempunyai murid pendidikan khas di sekolah yang tiada kelas PPKI supaya tidak merasa terbeban dengan tanggungjawab tersebut.

Pihak pentadbir bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri boleh berganding bahu berperanan dalam memastikan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah dapat berjalan dengan lancar dengan mengambil kira, guru-guru aliran perdana mesti bersama-sama menggembungkan tenaga mendidik murid pendidikan khas yang terpilih untuk bersama dengan murid tipikal di aliran perdana manakala pihak berwajib iaitu KPM seharusnya mengambil langkah proaktif dalam memastikan semua guru pendidikan Islam wajib dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang perlu termasuklah pengetahuan tentang pengajaran untuk murid pendidikan khas selari dengan peningkatan profesion keguruan secara dinamik agar GPI masa kini tidak kekok dan bersedia untuk menyampaikan ilmu duniaawi dan ukhrawi tidak kira di mana sahaja mereka ditempatkan untuk mengajar.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. 2007. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dalam Membangunkan Masyarakat Islam Hadhari*. Kertas Kerja Seminar Serantau Islam Hadhari 2007. Kuala Lumpur: Sekretariat Islam Hadhari
- Abdul Halim Tamuri dan Zawawi Ismail. 2016. Keberkesanan Pendidikan Islam dalam Pendidikan Kebangsaan: Peranan Guru dalam *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan cabaran*. Pnyt Mohd Farid Mohd Shahran dan Nor Hartini Saari. Kuala Lumpur : Penerbit IKIM
- Abdul Salam Yussof. 2010. *Idea-idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad Mohd Salleh. 2008. Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan pedagogi pendidikan. Oxford Fajar Sdn. Bhd: Selangor.
- Ahmad Mohd. Salleh. 2003. *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Boyle, Joseph & Scanlon, David. 2010. *Methods and Strategies for Teaching Students with Mild Disabilities*.
- Chong Siew Hiong & Rusnani Abdul Kadir. 2003. Pengetahuan Guru Bimbingan Sekolah Rendah tentang Gangguan Hiperaktiviti dan Kurang Daya Tumpuan (ADHD). *Jurnal Pendidikan Jilid 23(5)*
- Ee Ah Meng. 1998. *Pelajar Bermotivasi Pelajar Cemerlang*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Farah Ilyani Zakaria, Mahat Afifi Mohamed Salleh, Mohd Aderi bin Che Noh & Khadijah Abdul Razak. 2015. Kompetensi Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran: Cabaran Dalam Pembangunan Modal Insan. *International Conference on Da'wah 2015 (ICoD 2015)*
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. 2003. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: PTS Publication and Distributor Sdn. Bhd.
- Hamdi Ishak, Sabri Mohammad, Mohd Faizulamri Mohd Saad. 2017. Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Islam Kepada Murid Berkeperluan Khas. *Proceedings of the International Conference on Muslim Society and Thought. Surabaya, Indonesia 3-4 October 2017*
- Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari. 2012. Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran. *Journal of Islamic and Arabic Education 4(2),11-24 2012*
- Hamdi Ishak. 2011. *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)*. Satu kajian kes. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hasnah Toran et al. 2010. Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Guru-guru Pendidikan Khas Tentang Autisme. *Jurnal Pendidikan Malaysia 35 (I)(2010): 19-26*
- Hirma Md. Tahir & Mohd Mokhtar Tahar. 2013. Kesediaan dan Keupayaan Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Mengajar Mata pelajaran Pendidikan Islam di Negeri Sembilan. *Seminar Internasional Pasca Siswazah Pendidikan Khas UNJ-UKM-UPI Siri 3/2013*
- Izuli Dzulkifli. 2016. *Pendidikan Islam Bagi Murid Berkeperluan Khas Menurut Undang-undang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

- Jamila K. A. Mohamed. 2006. *Pendidikan Khas untuk Kanak-kanak Istimewa*. Batu Caves, Selangor: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Khadijah Abdul Razak & Siti Rohani Bangi. 2015. Latihan, Kompetensi dan Efikasi Guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran di Daerah Hulu Langat. *The 4th International Conference on Learner Diversity (ICELD 2014)*.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Baru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faeez Ilias, Abdul Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(I): 59-74
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah. 2017. Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) VOLUME 1(1) January 2007, 1-13*.
- Mohd. Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad. 2011. *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Saniah Mohd. Noor, Mohd. Aderi Che Noh, Mohd. Hanafi Mohd. Yasin. 2014. *Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran: Ke Arah Pengajaran Pendidikan Islam Yang Berkesan*. Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-10, 15 – 16 Disember 2014
- Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2015 Perubahan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam